

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN



LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH & SARAWAK

LAPORAN TAHUNAN 2024



**MALAYSIA
MADANI**

ISI KANDUNGAN

➤ MAKLUMAT KORPORAT	1
LATAR BELAKANG	1
VISI & MISI LPKP SARAWAK	2
VISI & MISI LPKP SABAH	3
OBJEKTIF	4
TERAS STRATEGI	4
BIDANG KUASA DAN FUNGSI	5
➤ LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK	6
PERUTUSAN Pengerusi	7
PERUTUSAN Setiausaha	8
MAKLUMAT ANGGOTA LEMBAGA	9
ANGGOTA LEMBAGA	10-11
PIAGAM PELANGGAN	12
1. PRESTASI	13
1.1 PRESTASI KEWANGAN	13-14
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	15-16
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	17
1.4 PERMOHONAN LESEN	17-27
1.5 RAYUAN	27
1.6 JUMLAH LESEN	28-29
1.7 DASAR-DASAR BAHARU PELESENAN TAHUN 2024	30-32
1.8 SIRI MESYUARAT LEMBAGA	33
LAMPIRAN	34-49
DIREKTORI	50



ISI KANDUNGAN

➤ LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH	51
PERUTUSAN Pengerusi	52
PERUTUSAN Setiausaha	53
MAKLUMAT ANGGOTA LEMBAGA	54
ANGGOTA LEMBAGA	55
PIAGAM PELANGGAN	56
1. PRESTASI	57
1.1 PRESTASI KEWANGAN	57-58
1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN	59-60
1.3 MESYUARAT LEMBAGA	60
1.4 PERMOHONAN LESEN	60-61
1.5 RAYUAN	61
1.6 CETAKAN LESEN	61
1.7 JUMLAH LESEN	62
1.8 DASAR-DASAR BAHARU PELESENAN TAHUN 2024	63
LAMPIRAN	64-81
DIREKTORI	82

MAKLUMAT KORPORAT

LATAR BELAKANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta LPKP 1987) [Akta 334] dan bertanggungjawab untuk melaksanakan Akta LPKP 1987 [Akta 334] dan Kaedah-Kaedah yang telah diperuntukkan di bawahnya.

Pada tahun 2018, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak (LPKP Sarawak) dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah (LPKP Sabah) telah diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi menguatkuasakan Akta LPKP 1987 [Akta 334].

Ibu Pejabat LPKP Sarawak terletak di **Kuching** dan mempunyai dua (2) pejabat cawangan iaitu di **Sibu** (Zon Tengah) dan **Miri** (Zon Utara).

Manakala Ibu Pejabat LPKP Sabah terletak di **Kota Kinabalu** dan turut mempunyai dua (2) pejabat cawangan iaitu di **Tawau** dan **Sandakan**.

VISI **LPKP SARAWAK**

“

Pemacu Pengawalseliaan Pelesenan Kenderaan Perdagangan
Yang Bersepadu Di Sarawak Secara Efektif Dan Efisien

”

MISI **LPKP SARAWAK**

“

Memperkasakan Pendigitalan Pelesenan Dan Keberkesanan
Pemantauan Operasi Kenderaan Perdagangan Berteraskan Tadbir
Urus Yang Cemerlang

”

VISI LPKP SABAH

.....

“

Peneraju Transformasi Perkhidmatan Kenderaan Perdagangan
Yang Progresif Dan Efisien

”

MISI LPKP SABAH

.....

“

Memperkasa Kawalselia Kenderaan Perdagangan Yang Sistematis,
Bersepadu, Selamat Dan Berintegriti

”

OBJEKTIF

- Merancang dan mewujudkan dasar serta syarat-syarat pelesenan kenderaan perdagangan.
- Melaksanakan undang-undang di bawah Akta LPKP 1987 [Akta 334] dan kaedah-kaedah berkenaan.
- Melaksanakan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan yang telah ditetapkan.
- Memantau pematuhan undang-undang oleh pengusaha kenderaan perdagangan.
- Menggalakkan pelanggan yang berpotensi untuk berlesen dengan LPKP.
- Menyelesaikan aduan masyarakat terhadap perkhidmatan kenderaan perdagangan.
- Memantau dan menilai impak pelaksanaan dasar, polisi dan syarat-syarat pelesenan.
- Meningkatkan aspek-aspek keselamatan, keselesaan dan keceriaan pengangkutan awam.
- Mempertimbang dan meluluskan permohonan baharu, memperbaharui dan permohonan ubah syarat lesen kenderaan perdagangan berasaskan keperluan semasa.

TERAS & STRATEGI

A

Memantapkan pelesenan kenderaan perdagangan melalui penggubalan dan pengemaskinian perundangan.

Memantapkan pengurusan pelesenan dengan efisien dan berintegriti.

B

C

Memperkasakan penguatkuasaan dan pematuhan perundangan yang berkaitan dengan kenderaan perdagangan bagi meningkatkan keselamatan dan kebolehpercayaan perkhidmatan.

Memantapkan tadbir urus organisasi bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

D

BIDANG KUASA & FUNGSI

Bidang kuasa dan fungsi LPKP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 [Akta 334] adalah seperti berikut:

- Menimbang dan meluluskan permohonan untuk mendapatkan lesen baru, memperbaharui dan ubah syarat bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan di seluruh negeri Sabah dan Sarawak;
- **LPKP Sabah:** Mengeluarkan semua lesen kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam untuk negeri Sabah dan lesen sementara ke atas kenderaan perdagangan dari Sarawak, Brunei dan Kalimantan, Indonesia yang memasuki Sabah;
- Mengenakan syarat-syarat ke atas semua kelas lesen kenderaan perdagangan yang meliputi penetapan kadar tambang, penentuan peringkat tambang, jadual perjalanan, bilangan penumpang, kawasan operasi, berat dan jenis barang-barang, hal-hal pengendalian dan syarat-syarat khas yang lain;
- Membuat kajian laluan baru sebelum memberi pertimbangan kelulusan ke atas permohonan untuk mendapatkan lesen bas bagi laluan-laluan yang dimohon;
- Menggantung, membatalkan atau mengenakan apa-apa hukuman yang sesuai atas mana-mana kelas lesen kenderaan perdagangan yang disabitkan kesalahan melanggar syarat lesen atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta LPKP 1987 [Akta 334] serta kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya serta undang-undang lain yang berkuatkuasa;
- Mengumpul rekod, penyata kewangan, statistik atau dokumen lain berhubung perniagaan pemegang lesen kenderaan perdagangan; dan
- Menentukan tempoh kuatkuasa lesen bagi semua kelas lesen kenderaan perdagangan;
- **LPKP Sarawak:** Melesenkan kenderaan perdagangan dari Sabah, Brunei, dan Kalimantan Barat, Indonesia atau negara lain yang dibenarkan beroperasi di Sarawak;



LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

PERUTUSAN Pengerusi LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Salam Sejahtera dan Salam Sarawak Maju Makmur,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada YB Tuan Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia di atas pelantikan saya sebagai Pengerusi LPKP Sarawak yang baharu berkuatkuasa pada 10 Januari 2024.

Sepanjang tahun 2024, saya telah berkesempatan berjumpa dengan persatuan-persatuan pelesen kenderaan perdagangan menerusi beberapa siri program Sesi Dialog Bersama Persatuan Pelesen di Kuching, Sibu dan Miri. Program tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada pemain industri di lapangan demi memantapkan lagi industri pengangkutan kenderaan perdagangan di Sarawak.

Saya bersama LPKP Sarawak juga telah menerima kehadiran rombongan Pengerusi LPKP Sabah ke Kuching bersempena dengan Mesyuarat Penyelarasan Dasar Pelesenan serta Kadar Bayaran Lesen LPKP Sabah dan LPKP Sarawak pada 19 Julai 2024.

Seterusnya, beberapa program lain juga telah dijalankan antaranya kunjungan hormat kepada YB Menteri Pengangkutan Sarawak, sesi perjumpaan bersama pihak berkepentingan seperti PETROS Niaga, Persatuan Ajensi-Ajensi Penghantaran Sarawak (SFAA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sarawak serta Sesi Taklimat Perkembangan Terkini Pelaksanaan ART & KUTS oleh Sarawak Metro yang turut dihadiri oleh Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan yang terlibat.

Selaras dengan usaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk menaiktaraf perkhidmatan bas berhenti-henti (BBH di Kuching, Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Program Bas Berhenti-henti (SBST) Kuching antara Kerajaan Malaysia dan syarikat Biaramas Express Sdn. Bhd. telah diadakan pada 11 Oktober 2024 yang turut disaksikan oleh YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia. Perkhidmatan SBST Kuching yang dikenali sebagai BAS.MY Kuching dijangka akan memulakan operasinya pada suku pertama tahun 2025. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh pada tahun 2024 di atas sumbangan yang diberikan sepanjang berkhidmat sebagai Anggota Lembaga di LPKP Sarawak. Terima kasih juga diucapkan buat Anggota-Anggota Lembaga serta seluruh warga kerja LPKP Sarawak di atas kerjasama yang diberikan dan pencapaian yang cemerlang sepanjang tahun 2024. Semoga kerjasama ini akan berterusan pada tahun-tahun mendatang.

Akhir kata, tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan Buku Laporan Tahunan 2024, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah dan Sarawak.

**MICHAEL KONG FENG NIAN
Pengerusi**

PERUTUSAN SETIAUSAHA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan kesyukuran di atas penerbitan Laporan Tahunan LPKP Sarawak bagi tahun 2024. Buku ini memaparkan pencapaian LPKP Sarawak sepanjang tahun 2024 dan seterusnya akan dijadikan garis panduan dalam penambahbaikan prestasi tahunan pada tahun-tahun akan datang.

Sepanjang tahun 2024, secara keseluruhannya LPKP Sarawak telah menerima sebanyak 51,614 permohonan lesen iaitu peningkatan sebanyak 76.3% berbanding tahun 2023 sebanyak 29,275 permohonan lesen. Namun begitu, berlakunya penurunan jumlah kutipan hasil LPKP Sarawak sebanyak 34.62% iaitu jumlah kutipan hasil pada tahun 2024 adalah sebanyak RM2,268,913.00 berbanding tahun 2023 sebanyak RM3,470,202.40. Penurunan jumlah kutipan hasil ini disebabkan permohonan pembaharuan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) daripada perkhidmatan e-hailing telah dibuat pada awal tahun 2023 yang mana akan tamat tempoh pada tahun 2024.

Dalam usaha penambahbaikan dasar pelesenan LPKP Sarawak, dua (2) pekeliling telah diluluskan iaitu Kelulusan Model Sewaan Kenderaan E-Hailing bagi Perkhidmatan E-Hailing di Sarawak dan Pelaksanaan Pemasangan Sistem Kedudukan Sejagat – GPS Pada Bas Ekspres Di Sarawak. Selain daripada itu, pihak Lembaga juga telah bersetuju untuk menggugurkan ketetapan keperluan Surat Sokongan dari LPKP Sarawak bagi Permohonan Luas Kawasan Operasi ke Sabah seiring dengan keputusan LPKP Sabah untuk menggugurkan ketetapan keperluan Surat Sokongan dari LPKP Sabah bagi Permohonan Luas Kawasan Operasi ke Sarawak.

Pada penghujung tahun 2024 juga menyaksikan LPKP Sarawak telah mula menggunakan sepenuhnya Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (i-SPKP) bagi modul permohonan Ubah Syarat Lesen (USL), Ubah Syarat Surat Tawaran (USST), pembatalan lesen dan pengeluaran lesen / PG11A untuk memudahkan proses permohonan lesen kenderaan perdagangan secara *end-to-end*.

Bagi mencapai hasrat ini, LPKP Sarawak telah mengadakan program *Roadshow* i-SPKP di seluruh Sarawak iaitu di Kuching, Sibu, Bintulu, Miri dan Limbang untuk memperkenalkan dan menggalakkan pelesen kenderaan perdagangan menggunakan Sistem i-SPKP.

Akhir kata daripada saya, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua Anggota Lembaga dan seluruh warga LPKP Sarawak serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama serta sokongan dalam menjayakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2024. Semoga semangat kerjasama dan komitmen sebegini akan diteruskan serta dipertingkatkan lagi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

CORNELIA WONG CHUI
SETIAUSAHA / PENGARAH

MAKLUMAT ANGGOTA LEMBAGA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

Seksyen 6, Akta LPKP 1987 telah menetapkan bahawa keanggotaan Lembaga LPKP Sarawak hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang dilantik oleh Menteri:

- Pengerusi;
- Timbalan Pengerusi;
- Seorang wakil Kerajaan Negeri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;
- Seorang wakil Jabatan Pengangkutan Jalan;
- Seorang wakil Kementerian Persekutuan yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pelesenan kenderaan perdagangan yang hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga; dan
- Tidak lebih daripada enam (6) orang yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman luas atau pengetahuan khas mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pengangkutan.

Senarai lengkap Anggota Lembaga LPKP Sarawak bagi tahun 2024 adalah seperti di **Lampiran A**.

ANGGOTA LEMBAGA

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK

BAGI TAHUN 2024

.....



PENGERUSI

ENCIK MICHAEL KONG FENG NIAN



SETIAUSAHA / PENGARAH

PUAN CORNELIA WONG CHUI

ANGGOTA LEMBAGA

DATO' MOHAMED IRWAN BIN MANSOR



ANGGOTA LEMBAGA

DATU WONG HEE SIENG



ANGGOTA LEMBAGA

ENCIK NORIZAN BIN JILI



ANGGOTA LEMBAGA

**SUPERINTENDEN BINGKOK ANAK
JOHN**



ANGGOTA LEMBAGA

PUAN LIZA JAYUB BINTI ABDULLAH



ANGGOTA LEMBAGA

ENCIK AFIQ FIKRI BIN BRAHIM



ANGGOTA LEMBAGA

ENCIK ROLAND ENGAN



ANGGOTA SILIH GANTI

DR. AZRIN BIN ABDUL MAJID



ANGGOTA SILIH GANTI

ASP MOHAMAD RADZI BIN HATTA



ANGGOTA SILIH GANTI

ENCIK THOMSON ANAK JUTIS

PIAGAM PELANGGAN

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK



LPKP Sarawak berjanji untuk memberi perkhidmatan yang mesra, cekap, berkualiti dan saksama kepada semua pelanggan. Semua permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses **dalam tempoh masa hari bekerja** seperti di bawah:

PERKARA / SUBJECT	JANGKAMASA / DURATION
1. Permohonan Baharu <i>New Application</i>	30 hari
2. Permohonan Memperbaharui <i>Application for Renewal</i>	5 hari
3. Permohonan Pengubahan <i>Application for Variation</i>	5 hari
4. Surat Pemberitahuan Keputusan Permohonan Baharu <i>Notification Letter Of New Application Outcome</i>	5 hari
5. Cetakan Lesen <i>Printing Of Licence</i>	3 hari

1. PRESTASI



1.1 PRESTASI KEWANGAN

Jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima oleh LPKP Sarawak pada tahun 2024 adalah sebanyak RM4,241,786.49. Jumlah peruntukan berkenaan adalah di bawah Belanja Mengurus, Program Khusus dan One Off (B28). Peningkatan perbelanjaan LPKP Sarawak bagi tahun 2024 adalah kerana kenaikan emolumen di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebanyak 8% dan peruntukan di bawah Objek Am 20000 sebanyak 21.32%. Manakala, jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima oleh LPKP Sarawak bagi tahun 2023 di bawah Belanja Mengurus, Program Khusus dan One Off (B28) adalah sebanyak RM3,658,890.61.

Penurunan jumlah kutipan hasil LPKP Sarawak 2024 adalah sebanyak 34.62% berbanding tahun 2023 disebabkan terdapat penurunan permohonan pembaharuan lesen dan jumlah permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan yang diterima daripada perkhidmatan e-hailing.


Jumlah keseluruhan peruntukan (P28) yang dibelanjakan oleh LPKP Sarawak bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM645,939.48. Perbelanjaan tersebut melibatkan tuntutan bagi tahun 2023 berjumlah RM16,870.90 dan tahun 2024 berjumlah RM629,068.58 iaitu berlakunya peningkatan perbelanjaan sebanyak 129.43% berbanding jumlah perbelanjaan pada tahun 2023 sebanyak RM281,538.31. Bagi perbelanjaan pada tahun 2023, ia melibatkan tuntutan bagi tahun 2022 sebanyak RM170,790.43 dan tuntutan bagi tahun 2023 sebanyak RM110,747.88.

Perbandingan peruntukan, belanja mengurus dan jumlah kutipan hasil bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di **Jadual 1** dan **Carta 1**.



TAHUN / PERKARA	2023 (RM)	2024 (RM)	PERATUS (%)
Peruntukan B28	3,658,890.61	4,241,786.49	15.93%
Belanja Mengurus B28	3,658,890.61	4,131,127.31	12.91%
Kutipan Hasil	3,470,202.40	2,268,913.00	34.62%
Peruntukan P28	281,538.31	645,939.48	129.43%
Belanja Pembangunan P28	281,538.31	645,939.48	129.43%

JADUAL 1




CARTA 1

1.2 ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

LPKP Sarawak telah menerima peruntukan belanja mengurus yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan, melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Berikut adalah analisis peruntukan, perbelanjaan mengurus sebenar dan jumlah kutipan hasil tahunan bagi LPKP Sarawak bagi lima (5) tahun terakhir iaitu bermula pada tahun 2020 sehingga tahun 2024 seperti di **Jadual 2** dan **Carta 2**.

	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)
Peruntukan Diluluskan	5,268,332.08	2,767,001.13	3,196,067.30	3,658,890.61	4,241,786.49
Belanja Mengurus	5,263,832.42	2,976,307.63	3,571,160.79	3,658,890.61	4,131,127.31
Kutipan Hasil	2,199,067.25	2,056,969.00	2,500,915.99	3,470,202.40	2,268,913.00

JADUAL 2



CARTA 2

LPKP Sarawak telah melaksanakan **langkah-langkah penjimatan** bagi mengamalkan perbelanjaan berhemah dan optimum peruntukan Kerajaan seperti berikut :

1. Kawalan dalaman ke atas arahan kerja lebih masa bagi kerja lebih yang benar-benar penting untuk disiapkan atau dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan sahaja selaras dengan Perkara 3.14 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam);
2. Pergerakan para pegawai bagi menghadiri mesyuarat / tugas rasmi di luar pejabat telah dihadkan dengan minima berdasarkan kompetensi dan keperluan jabatan sahaja. Selain daripada itu, mesyuarat-mesyuarat dalaman berkala telah dijadualkan semula dan menghimpunkan mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan penyertaan pegawai yang sama daripada luar ibu pejabat LPKP Sarawak. LPKP Sarawak juga menggunakan kaedah alternatif seperti mesyuarat atas talian secara sidang video bagi mengamalkan langkah-langkah penjimatan peruntukan Kerajaan. Semua perkara ini dilaksanakan selaras dengan Perkara 3.16 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam);
3. Para pegawai juga digalakkan untuk menempah tiket penerbangan daripada syarikat penerbangan atau agensi pelancongan yang menawarkan harga yang lebih rendah dan lebih menjimatkan berbanding menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam bagi menghadiri mesyuarat / tugas rasmi di luar pejabat selaras dengan Perkara 3.17 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam); dan
4. Memastikan barang pakai habis seperti peralatan alat tulis, kertas, *cartridge* dan sebagainya digunakan dengan optimum bagi mengelakkan pembaziran. Perkongsian peralatan pejabat secara gunasama seperti mesin faks dan mesin fotostat juga telah dilaksanakan selaras dengan Perkara 3.24 di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB3.1 (Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam).

1.3 MESYUARAT LEMBAGA

LPKP Sarawak telah mengadakan 12 kali Mesyuarat Lembaga pada tahun 2024. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk menimbang dan meluluskan permohonan lesen kenderaan perdagangan, menggubal dasar baharu, mengkaji semula dasar sedia ada serta membuat ketetapan baharu ke arah penyediaan kenderaan perdagangan yang selamat, bersepadu dan mampan di Sarawak. Pelaksanaan dan kehadiran ke mesyuarat tersebut adalah seperti di **Lampiran D**.

1.4 PERMOHONAN LESEN

LPKP Sarawak telah menimbang dan meluluskan permohonan baharu, permohonan memperbaharui dan permohonan perubahan lesen seperti yang diperuntukkan di bawah Akta LPKP 1987 [*Akta 334*] seperti berikut:


1.4.1 Permohonan Baharu

Sepanjang tahun 2024, LPKP Sarawak telah menerima sebanyak 3,225 permohonan lesen baharu melalui 2 sistem utama iaitu Sistem eSPKP dan Sistem iSPKP. Secara keseluruhan, sebanyak 120 permohonan (3.72%) telah diproses melalui Sistem eSPKP dan sebanyak 3,105 permohonan (96.28%) telah diproses melalui Sistem iSPKP.

Daripada jumlah keseluruhan permohonan yang diterima, sebanyak 2,723 permohonan telah diluluskan dengan 115 permohonan (4.22%) melalui Sistem eSPKP dan 2608 permohonan (95.78%) melalui Sistem iSPKP. Manakala, sebanyak 5 permohonan (1%) telah ditolak melalui Sistem eSPKP dan 497 permohonan (99.00%) melalui Sistem iSPKP. Jumlah permohonan baharu yang telah diterima, diluluskan dan ditolak melalui Sistem eSPKP dan Sistem iSPKP bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 3** dan **Carta 3**.

SISTEM	eSPKP	Peratus (%)	iSPKP	Peratus (%)	JUMLAH
TERIMA	120	3.72	3,105	96.28	3,225
LULUS	115	4.22	2,608	95.78	2,723
TOLAK	5	1.00	497	99.00	502

JADUAL 3



CARTA 3

Analisis Jumlah Lesen Diluluskan Mengikut Kelas Lesen bagi Tahun 2024

Sejumlah 2,723 lesen telah diluluskan oleh pihak LPKP Sarawak melibatkan pelbagai kelas lesen pada tahun 2024. Daripada jumlah keseluruhan lesen yang telah diluluskan, majoriti lesen yang diluluskan adalah Kelas Lesen Pembawa A iaitu sebanyak 2,184 lesen (80.21%).

Kelas Lesen Pembawa C mencatatkan bilangan kedua tertinggi dengan kelulusan sebanyak 290 lesen (10.65%). Seterusnya, kelulusan Kelas Lesen bagi Bas Berhenti-henti adalah sebanyak 57 lesen, Bas Ekspres sebanyak 31 lesen, Bas Pekerja sebanyak 84 lesen, Bas Sekolah sebanyak 45 lesen, Kereta Sewa dan Pandu sebanyak 25 lesen, Teksi sebanyak 4 lesen dan Kereta Sewa sebanyak 3 lesen. Jumlah lesen yang telah diluluskan mengikut kelas lesen bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 4** dan **Carta 4**.

KELAS LESEN	JUMLAH	Peratus (%)
LESEN PEMBAWA A	2,184	80.21
LESEN PEMBAWA C	290	10.65
BAS EKSPRES	31	1.14
BAS BERHENTI-HENTI	57	2.09
BAS PEKERJA	84	3.08
BAS SEKOLAH	45	1.65
KERETA SEWA	3	0.11
KERETA SEWA DAN PANDU	25	0.92
TEKSI	4	0.15
JUMLAH LESEN DILULUSKAN	2,723	100.00

JADUAL 4

**CARTA 4**


1.4.2 Permohonan Memperbaharui

Bagi tahun 2024, sebanyak 6,475 permohonan memperbaharui lesen telah diterima oleh LPKP Sarawak melalui Sistem eSPKP dan Sistem iSPKP. Secara keseluruhan, sebanyak 789 permohonan (12.19%) diterima melalui Sistem eSPKP dan sebanyak 5,686 permohonan (87.81%) dikemukakan melalui Sistem iSPKP. Daripada jumlah keseluruhan permohonan yang diterima, sebanyak 6,222 permohonan telah diluluskan dengan 768 permohonan (12.34%) melalui Sistem eSPKP dan 5,454 permohonan (87.66%) melalui Sistem iSPKP.

Manakala itu, sebanyak 249 permohonan telah ditolak dengan 21 permohonan (8.43%) melalui Sistem eSPKP dan 228 permohonan (91.57%) melalui Sistem iSPKP. Seterusnya, sebanyak 4 permohonan telah ditangguhkan keputusannya melalui Sistem iSPKP. Secara keseluruhannya, statistik menunjukkan bahawa lebih 85% permohonan yang diterima bagi setiap kelas lesen dikemukakan melalui Sistem iSPKP. Jumlah permohonan memperbaharui yang telah diterima, diluluskan dan ditolak melalui Sistem eSPKP dan Sistem iSPKP bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 5** dan **Carta 5**.

SISTEM	eSPKP	Peratus (%)	iSPKP	Peratus (%)	KESELURUHAN
TERIMA	789	12.19	5,686	87.81	6,475
LULUS	768	12.34	5,454	87.66	6,222
TOLAK	21	8.43	228	91.57	249
TANGGUH	0	-	4	100.00	4

JADUAL 5



CARTA 5

1.4.3 Permohonan Perubahan

Sebanyak 3,763 permohonan perubahan lesen (87.23%) telah diterima melalui Sistem eSPKP dan 551 permohonan (12.77%) telah diterima melalui Sistem iSPKP sepanjang tahun 2024 dengan jumlah keseluruhan permohonan perubahan lesen yang diterima adalah sebanyak 4,314 permohonan.


Seterusnya, sebanyak 3,755 permohonan perubahan lesen (87.94%) melalui Sistem eSPKP dan 515 permohonan (12.06%) melalui Sistem iSPKP telah diluluskan. Secara keseluruhan jumlah permohonan perubahan lesen yang diluluskan ialah sebanyak 4,270 permohonan iaitu 98.98% daripada jumlah permohonan yang diterima.

Manakala itu, 8 permohonan (18.18%) melalui Sistem eSPKP dan 36 permohonan (81.82%) melalui Sistem iSPKP telah ditolak iaitu secara keseluruhan jumlah permohonan perubahan lesen yang ditolak ialah sebanyak 44 permohonan iaitu 1.02% daripada jumlah keseluruhan permohonan yang diterima. Jumlah permohonan perubahan lesen yang ditangguhkan kelulusannya pula adalah sebanyak 3 permohonan.

Berdasarkan data di atas, ia menunjukkan kadar penggunaan Sistem eSPKP adalah lebih tinggi berbanding penggunaan Sistem iSPKP dengan jumlah permohonan perubahan lesen yang diterima melebihi 87% daripada keseluruhan permohonan. Ini disebabkan pelaksanaan penggunaan Sistem iSPKP bagi permohonan perubahan lesen hanya mula dilaksanakan pada bulan Oktober 2024. Jumlah permohonan perubahan lesen yang telah diterima, diluluskan dan ditolak melalui Sistem eSPKP dan Sistem iSPKP bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 6** dan **Carta 6**.

SISTEM	eSPKP	Peratus (%)	iSPKP	Peratus (%)	JUMLAH
TERIMA	3,763	87.23	551	12.77	4,314
LULUS	3,755	87.94	515	12.06	4,270
TOLAK	8	18.18	36	81.82	44
TANGGUH	0	-	3	100.00	3

JADUAL 6



CARTA 6

1.4.4 Cetakan Lesen


Bagi tahun 2024, sebanyak 37,720 cetakan lesen telah direkodkan melalui Sistem iSPKP dan Sistem eSPKP. Secara keseluruhan, sebanyak 996 lesen (2.64%) telah dicetak melalui Sistem iSPKP dan sebanyak 36,724 lesen (97.36%) telah dicetak melalui Sistem eSPKP.

Secara keseluruhannya, Sistem eSPKP telah menjadi platform utama bagi pengurusan dan pelaksanaan cetakan lesen dengan menyumbang hampir keseluruhan jumlah cetakan bagi tahun 2024. Penggunaan Sistem iSPKP pula mencatatkan bilangan yang lebih rendah kerana penggunaan Sistem iSPKP hanya dilaksanakan bermula 1 November 2024 seperti di **Jadual 7** dan **Carta 7**.

SISTEM	BILANGAN	PERATUS (%)
Sistem iSPKP	996	2.64
Sistem eSPKP	36,724	97.36
JUMLAH	37,720	100.00

JADUAL 7

STATISTIK PERMOHONAN BILANGAN CETAKAN LESEN BAGI TAHUN 2024




CARTA 7

PERMOHONAN MENGIKUT PECAHAN CAWANGAN LPKP SARAWAK BAGI TAHUN 2024

JENIS PERMOHONAN	2024					
	KUCHING		SIBU		MIRI	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
BAHARU	478	442	348	324	391	322
MEMPERBAHARUI	3,185	3,078	1,123	1,096	2,167	2,048
PENGUBAHAN	1,797	1,782	902	897	1,615	1,591
CETAKAN LESEN	16,980	16,980	10,280	10,280	10,460	10,460
JUMLAH	22,440	22,282	12,653	12,597	14,633	14,421

JADUAL 8




CARTA 8

**PERBANDINGAN JUMLAH PERMOHONAN BAHARU, MEMPERBAHARUI, PENGUBAHAN
DAN CETAKAN LESEN BAGI TAHUN 2023 DAN 2024**

TAHUN	2023		2024	
JENIS PERMOHONAN	BILANGAN		BILANGAN	
	TERIMA	LULUS	TERIMA	LULUS
BAHARU	3,629	3,487	3,105	2,608
MEMPERBAHARUI	5,377	5,323	6,475	6,222
PENGUBAHAN	4,268	4,189	4,314	4,270
CETAKAN LESEN	16,001	16,001	37,720	37,720
JUMLAH	29,275	29,000	51,614	50,820

JADUAL 9

ANALISIS PERBANDINGAN PERMOHONAN BAHARU, MEMPERBAHARUI, PENGUBAHAN DAN CETAKAN LESEN BAGI TAHUN 2023 DAN 2024



CARTA 9

I. Permohonan Baharu

- Penurunan sebanyak 524 permohonan (14.4%) pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.
- Keputusan kelulusan menurun sebanyak 879 permohonan (25.2%).

II. Permohonan Memperbaharui

- Peningkatan permohonan sebanyak 1,098 iaitu 20.4% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.
- Keputusan kelulusan meningkat sebanyak 899 permohonan iaitu 16.9%.

III. Permohonan Pengubahan

- Peningkatan sebanyak 46 permohonan iaitu 1.1% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.
- Keputusan kelulusan meningkat sebanyak 81 permohonan iaitu 1.9%.

IV. Cetakan Lesen

- Tahun 2024 menyaksikan peningkatan luar biasa sebanyak 21,719 cetakan lesen iaitu 135.7% berbanding tahun 2023.

V. Rumusan Jumlah Keseluruhan Mengikut Jenis Permohonan

- Permohonan pada tahun 2024 telah meningkat sebanyak 22,339 permohonan iaitu 76.3% berbanding tahun 2023.
- Keputusan kelulusan juga telah meningkat sebanyak 21,820 permohonan iaitu 75.2% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

1.5 RAYUAN

1.5.1. Seksyen 27, Akta LPKP 1987 [Akta 334] telah memperuntukkan bahawa mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh pihak Lembaga terhadap permohonan lesen baharu, memperbaharui lesen dan pembatalan lesen, boleh membuat rayuan kepada Menteri di Kementerian Pengangkutan Malaysia.

1.5.2. Sepanjang Tahun 2024, LPKP Sarawak telah menerima satu permohonan rayuan bagi kelas lesen Bas Ekspres iaitu rayuan untuk melesenkan kenderaan dengan had umur bas ekspres baharu melebihi lima (5) tahun daripada syarikat Mutiara Borneo Sdn. Bhd. bertarikh 4 Julai 2024. Dasar Pelesenan Bas Ekspres LPKP Sarawak telah menetapkan had usia untuk melesenkan kenderaan bas ekspres baharu adalah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Perkara ini adalah bertentangan dengan dasar sedia ada dan rayuan ini telah ditolak.

1.6 JUMLAH LESEN

Sehingga tempoh 31 Disember 2024, jumlah lesen kenderaan perdagangan yang aktif di bawah LPKP Sarawak mengikut kelas lesen adalah sebanyak 33,443 lesen seperti di **Jadual 10**. Manakala, jumlah lesen terkumpul di bawah LPKP Sarawak sehingga 31 Disember 2024 mengikut kelas lesen adalah sebanyak 52,302 lesen seperti di **Jadual 11**.

JUMLAH LESEN YANG AKTIF MENGIKUT KELAS LESEN LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK (SEHINGGA 31 DISEMBER 2024)

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM	
Kelas Lesen	Jumlah Lesen	Kelas Lesen	Jumlah Lesen
Lesen Pembawa 'A'	26,544	Teksi	607
Lesen Pembawa 'C'	3,676	Teksi Mewah	3
		Kereta Sewa	247
		Kereta Sewa dan Pandu	939
		Bas Berhenti-Henti	229
		Bas Ekspres	289
		Bas Sekolah	571
		Bas Pekerja	325
		Bas Pengantara	9
		LPP (syarikat e-hailing)	4
JUMLAH	30,220	JUMLAH	3,223
JUMLAH KESELURUHAN			
33,443			

JADUAL 10

**JUMLAH LESEN TERKUMPUL MENGIKUT KELAS LESEN
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
(SEHINGGA 31 DISEMBER 2024)**

KENDERAAN BARANGAN		KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM	
Kelas Lesen	Jumlah Lesen	Kelas Lesen	Jumlah Lesen
Lesen Pembawa 'A'	36,826	Teksi	1,165
Lesen Pembawa 'C'	9,233	Teksi Mewah	16
		Kereta Sewa	560
		Kereta Sewa dan Pandu	1,193
		Bas Berhenti-Henti	926
		Bas Ekspres	486
		Bas Sekolah	1,242
		Bas Pekerja	636
		Bas Pengantara	15
		LPP (syarikat e-hailing)	4
JUMLAH	46,059	JUMLAH	6,243
JUMLAH KESELURUHAN			
52,302			

JADUAL 11

Nota :

- Jumlah pemandu e-hailing dengan bilangan EVP yang aktif bagi tahun 2024 berjumlah 10,375 EVP berbanding 6,589 EVP pada tahun 2023.
- Syarikat e-hailing yang mempunyai LPP aktif di Sarawak bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:
 - GRABCAR
 - MAXIM
 - AIRASIA RIDE
 - MYCAR

1.7 DASAR-DASAR BAHARU PELESENAN TAHUN 2024

Sepanjang tahun 2024, LPKP Sarawak telah memperkenalkan beberapa dasar dan kaedah baharu bagi tujuan ke arah penambahbaikan dasar pelesenan sedia ada seperti berikut:

1.7.1 Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak Bilangan 1 Tahun 2024 : Kelulusan Model Sewaan Kenderaan e-hailing Bagi Perkhidmatan e-hailing di Sarawak

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bilangan 1 Tahun 2024 telah bersetuju untuk meluluskan model sewaan kenderaan e-hailing bagi perkhidmatan e-hailing di Sarawak dengan syarat-syarat model sewaan seperti di bawah:

- a) Tempoh sewaan - Kontrak 3 bulan;
- b) Deposit - RM350.00 (Dikembalikan);
- c) Kadar sewaan - RM55.00 sehari (Maksimum);
- d) Perlindungan insurans pemandu dan kenderaan ditanggung oleh pihak syarikat pengendali e-hailing (EHO); dan
- e) Kontrak perjanjian antara EHO dan pihak pemandu diuruskan oleh pihak EHO.

1.7.2 Pekeliling Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sarawak Bilangan 2 Tahun 2024 : Pelaksanaan Pemasangan Sistem Kedudukan Sejagat (*Global Positioning System* - GPS) Pada Bas Ekspres Di Sarawak

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bilangan 3 Tahun 2024 telah bersetuju untuk meluluskan pelaksanaan pemasangan sistem kedudukan sejagat (*Global Positioning System* - GPS) pada Bas Ekspres di Sarawak dengan parameter GPS yang ditetapkan seperti di bawah :

- a) Perubahan masa;
- b) Perubahan jarak;
- c) Hala tuju kenderaan;
- d) Kelajuan melebihi had laju yang dibenarkan;
- e) Pecutan mengejut & brek mengejut;
- f) Pengesanan impak (kemalangan);
- g) Laluan diluluskan (*Geofencing*);
- h) Penggera had laju; dan

- i) Pendaftaran pemandu bagi masa pemanduan, pemandu bertauliah dan waktu rehat (Kelas Lesen Bas Ekspres).

1.7.3 Menggugurkan Proses Permohonan Surat Sokongan Daripada LPKP Sarawak Dan LPKP Sabah Bagi Permohonan Luas Kawasan Operasi

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bilangan 12 Tahun 2024 telah bersetuju untuk menggugurkan proses permohonan Surat Sokongan Permohonan Luas Kawasan Operasi seperti berikut:

- a) Menggugurkan proses permohonan Surat Sokongan bagi Lesen Pembawa 'A' LPKP Sarawak untuk memasuki Negeri Sabah; dan
- b) Menggugurkan surat sokongan Lesen Pembawa 'A' LPKP Sabah sebagai senarai semak permohonan bagi mendapatkan Lesen Pembawa 'A' Sarawak untuk beroperasi di Negeri Sarawak.

Namun begitu, proses permohonan surat sokongan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam masih dikekalkan.

1.7.4 Proses Permohonan Memperbaharui Lesen - Memperbaharui Semula Lesen Boleh Dilakukan Dalam Tempoh Lima (5) Tahun Dari Tarikh Tamat Lesen Kepada Tiga (3) Tahun Dari Tarikh Tamat Lesen

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bilangan 4 Tahun 2024 telah bersetuju supaya permohonan memperbaharui semula dilakukan dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh tamat lesen.

1.7.5 Cadangan Penyelesaian Syarat Pemilikan Ekuiti Bumiputera Bagi Lesen Pembawa 'A' Jenis Kontena

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bilangan 9 Tahun 2024 telah bersetuju dengan pengesyorkan penyelesaian isu pemilikan Lesen Pembawa 'A' Jenis Kontena yang tidak mematuhi pemilikan ekuiti Bumiputera 51% seperti berikut:

- a) Lesen yang telah dikeluarkan sebelum atau pada 12 September 2024 adalah kekal berkuat kuasa dan pembaharuan lesen sedia ada adalah dibenarkan;

- b) Sebarang permohonan Lesen Pembawa 'A' selain Kontena adalah dibenarkan untuk diproses dan diangkat untuk pertimbangan lembaga; dan
- c) Lesen yang telah diluluskan selepas 12 September 2024 dan pada masa yang sama berlaku perubahan ekuiti Bumiputera yang kurang daripada 51%, lesen berkenaan akan ditarik balik/terbatal.

1.7.6 Pelaksanaan e-Lesen LPKP Sarawak Melalui Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP)

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bilangan 10 Tahun 2024 telah bersetuju bahawa:

- a) Pelesen diwajibkan untuk mencetak eLesen melalui Sistem iSPKP berkuat kuasa 1 November 2024;
- b) Tidak menetapkan warna kertas mengikut kelas lesen;
- c) Pelesen diwajibkan untuk mencetak di atas kertas A4 putih / 80gsm; dan
- d) Surat pemakluman rasmi pelaksanaan eLesen berkuat kuasa 1 November 2024 kepada agensi penguatkuasaan di Sarawak.

1.7.7 Kajian Harga Pasaran Kenderaan Perdagangan Baharu dan Terpakai di Sarawak

Lembaga pada Mesyuarat Lembaga Bilangan 12 Tahun 2024 bersetuju dengan penetapan anggaran harga kenderaan yang digunakan oleh LPKP Sarawak bagi permohonan baharu/tambahan.

1.8 SIRI MESYUARAT LEMBAGA BAGI TAHUN 2024

SIRI	TARIKH	TEMPAT
1/2024	25 JANUARI 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
2/2024	26 FEBRUARI 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
3/2024	28 MAC 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
4/2024	18 APRIL 2024	BILIK MESYUARAT, JABATAN LAUT MIRI
5/2024	24 MEI 2024	BILIK MESYUARAT, JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN SIBU
6/2024	25 JUN 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
7/2024	19 JULAI 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
8/2024	9 OGOS 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
9/2024	13 SEPTEMBER 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
10/2024	18 OKTOBER 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
11/2024	7 NOVEMBER 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK
12/2024	2 DISEMBER 2024	BILIK MESYUARAT LPKP SARAWAK


JADUAL 12

LAMPIRAN



**SENARAI ANGGOTA LEMBAGA DAN ANGGOTA SILIH GANTI
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK TAHUN 2024**

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	TARIKH TAMAT
1.	Encik Michael Kong Feng Nian	Pengerusi	10.01.2024	09.01.2027
2.	Puan Cornelia Wong Chui	Setiausaha (LPKP Sarawak)	15.12.2023	14.12.2026
3.	Dato' Mohamed Irwan bin Mansor	Anggota Lembaga (MOT)	26.09.2024	25.09.2027
4.	Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh	Anggota Lembaga (MOT)	14.02.2022	23.06.2024
5.	Datu Wong Hee Sieng	Anggota Lembaga (MOTS)	26.09.2024	25.09.2027
6.	Dato Ir. Alice Jawan Empaling	Anggota Lembaga (MOTS)	17.06.2023	25.05.2024
7.	Encik Norizan bin Jili	Anggota Lembaga (JPJ)	30.11.2021	29.11.2024
8.	Superintenden Bingkok anak John	Anggota Lembaga (PDRM)	07.10.2022	06.10.2025
9.	Puan Liza Jayub binti Abdullah	Anggota Lembaga (PUSPAKOM)	30.06.2021	20.06.2024
10.	Encik Afiq Fikri bin Brahim	Anggota Lembaga	11.12.2023	10.12.2024
11.	Encik Roland Engan	Anggota Lembaga	11.12.2023	10.12.2024
12.	Dr. Azrin bin Abdul Majid	Anggota Silih Ganti (MOT)	26.09.2024	25.09.2027
13.	ASP Mohamad Radzi bin Hatta	Anggota Silih Ganti (PDRM)	26.04.2024	25.04.2027
14.	Encik Thomson anak Jutis	Anggota Silih Ganti (PUSPAKOM)	15.03.2022	14.03.2025



**BILANGAN PERJAWATAN, PENGISIAN DAN KEKOSONGAN (JIK)
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
SEHINGGA 31 DISEMBER 2024**

KATEGORI JAWATAN	PERJAWATAN	PENGISIAN	KOSONG
Pengurusan & Profesional	12	10	2
Kumpulan Pelaksana I	47	43	4
Kumpulan Pelaksana II	13	10	3
JUMLAH	72	63	9



**SIRI MESYUARAT LEMBAGA
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SARAWAK
TAHUN 2024**

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
1	Mesyuarat Lembaga Bil. 1/2024 Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Encik Norizan bin Jili (Pengerusi) 2. Puan Cornelia Wong Chui (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Anggota Lembaga) 4. Encik Roland Engan (Anggota Lembaga) 5. Encik Afiq Fikri bin Brahim (Anggota Lembaga) 6. Encik Selamat Jati Yanjah (wakil MOTS) 7. Encik Wong Teck Chang (wakil JPJ) 8. Insp. Tuan Anuar bin Tuan Hassan (wakil PDRM) 9. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 12. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 13. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 14. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 15. Puan Anawati binti Madian (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	25 Januari 2024

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
2	Mesyuarat Lembaga Bil. 2/2024 Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Encik Michael Kong Feng Nian (Pengerusi) 2. Puan Cornelia Wong Chui (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Anggota Lembaga) 4. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Anggota Lembaga) 5. Encik Roland Engan (Anggota Lembaga) 6. Encik Afiq Fikri bin Brahim (Anggota Lembaga) 7. Encik Selamat Jati Yanjah (wakil MOTS) 8. Insp. Tuan Anuar bin Tuan Hassan (wakil PDRM) 9. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 11. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 12. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 13. Puan Anawati binti Madian (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	26 Februari 2024

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
3	Mesyuarat Lembaga Bil. 3/2024 Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Encik Michael Kong Feng Nian (Pengerusi) 2. Puan Cornelia Wong Chui (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Anggota Lembaga) 4. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Anggota Lembaga) 5. Superintenden Bingkok anak John (Anggota Lembaga) 6. Encik Roland Engan (Anggota Lembaga) 7. Encik Muhd. Nur Salam bin Mustapha (wakil MOTS) 8. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Encik Abang Zulkarnain bin Abang Haji Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 12. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibul) 13. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 14. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 15. Puan Anawati binti Madian (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	28 Mac 2024

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
4	Mesyuarat Lembaga Bil. 4/2024 Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Encik Michael Kong Feng Nian (Pengerusi) 2. Puan Cornelia Wong Chui (Setiausaha) 3. Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh (Anggota Lembaga) 4. Encik Norizan bin Jili (Anggota Lembaga) 5. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Anggota Lembaga) 6. Encik Roland Engan (Anggota Lembaga) 7. Encik Afiq Fikri bin Brahim (Anggota Lembaga) 8. Insp. Faizal bin Noh (wakil PDRM) 9. Encik Muhd. Nur Salam bin Mustapha (wakil MOTS) 10. Encik Wong Teck Chang (wakil JPJ) 11. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 12. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 13. Encik Abang Zulkarnain bin Abang Haji Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 14. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 15. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 16. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 17. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	18 April 2024

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
5	Mesyuarat Lembaga Bil. 5/2024 Bilik Mesyuarat, Jabatan Akauntan Negara Malaysia Cawangan Sibul	1. Encik Michael Kong Feng Nian (Pengerusi) 2. Puan Cornelia Wong Chui (Setiausaha) 3. Encik Norizan bin Jili (Anggota Lembaga) 4. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Anggota Lembaga) 5. Encik Roland Engan (Anggota Lembaga) 6. Encik Raymond Graman Dusi (wakil MOT) 7. Insp. Tommy Nayum anak Entri (wakil PDRM) 8. Puan Yong Zheng Yang (wakil MOTS) 9. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibul) 12. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 13. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	24 Mei 2024

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
6	Mesyuarat Lembaga Bil. 6/2024 Bilik Mesyuarat Utama, LPKP Sarawak	1. Encik Michael Kong Feng Nian (Pengerusi) 2. Puan Cornelia Wong Chui (Setiausaha) 3. Puan Liza Jayub binti Abdullah (Anggota Lembaga) 4. Encik Roland Engan (Anggota Lembaga) 5. Encik Afiq Fikri bin Brahim (Anggota Lembaga) 6. Encik Selamat Jati Yanjah (wakil MOTS) 7. ASP Mohamad Radzi bin Hatta (wakil PDRM) 8. Encik Razami bin Mohamad Jamali (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 9. Puan Rosidah binti Mohtar (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 10. Encik Abang Zulkarnain bin Abang Haji Ibrahim (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 11. Puan Jacqueline anak Charlie (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 12. Encik Wong Siong Siang (Urusetia Cawangan Sibu) 13. Puan Elizebeth Mayang Thomas (Urusetia Cawangan Miri) 14. Puan Lena anak Buntal (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching) 15. Puan Sahaya anak Saba (Urusetia Ibu Pejabat, Kuching)	24 Jun 2024

BIL	MESYUARAT	KEHADIRAN	TARIKH
